

## **SYARAT-SYARAT BARU DANA KHAS MEMBUDAYAKAN BAHASA DAN SASTERA**

### **A. Pelaksana**

- DKMBS dilaksanakan melalui sebuah jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Dana Khas Membudayakan Bahasa dan Sastera (JKDKMBS).

### **B. Syarat Permohonan**

- Persatuan penulis dan badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).
- Program yang dirancang hendaklah selari dengan misi dan visi DBP serta memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat bahasa dan sastera tanah air.
- Borang permohonan hendaklah dimuat turun melalui laman sesawang DBP, dan hendaklah dilampirkan bersama-sama sijil pendaftaran, penyata kewangan persatuan dan kertas cadangan program.
- Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pelaksanaan program. Permohonan yang tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan akan ditolak serta-merta.
- Tarikh tutup permohonan DKMBS bagi tahun semasa adalah pada 30 September.
- Keputusan JKDKMBS adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

### **C. Syarat Kelulusan**

- Pemohon ialah persatuan penulis atau badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).
- Pemohon tidak pernah menerima DKMBS atau sumbangan atau kerjasama dari mana-mana Jabatan/Bahagian di DBP pada tahun semasa.

- Objektif program hendaklah menepati visi dan misi DBP serta memberikan impak yang tinggi kepada pemasyarakatan bahasa dan sastera tanah air.

#### **D. Pemakluman, Pemantauan Dan Pelaporan**

- Permohonan yang telah diluluskan akan dimaklumkan melalui surat rasmi DBP dan e-mel.
- Salinan surat pemakluman kelulusan permohonan dihantar kepada Pengarah DBP Wilayah dan Pengarah DBP Cawangan untuk makluman.
- Program yang diluluskan pada tahun semasa hendaklah dilaksanakan pada tahun yang sama.
- Urus Setia Tetap DKMBS akan memantau pelaksanaan program agar mematuhi konsep yang dinyatakan dalam kertas cadangan yang diluluskan oleh JKDKMBS.
- Sebarang pindaan konsep program yang telah diluluskan tidak dibenarkan.
- Sumbangan dana akan disalurkan ke akaun penerima DKMS setelah laporan pascakegiatan berserta resit diterima oleh Urus Setia Tetap DKMBS.
- Laporan pascakegiatan berserta resit perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Tetap DKMBS selewat-lewatnya dua (2) minggu daripada tarikh program selesai dilaksanakan.

#### **E. Pembatalan Kelulusan**

- Surat pembatalan kelulusan pemberian dana akan dikeluarkan kepada mana-mana penerima DKMBS yang gagal mengemukakan laporan pascakegiatan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Kelulusan permohonan akan terbatal sekiranya program yang dilaksanakan tidak mematuhi cadangan program yang telah diluluskan oleh JKDKMBS.
- Kelulusan permohonan akan terbatal sekiranya program yang diluluskan tidak dilaksanakan dalam tahun semasa.